BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Isnin, 30 September 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
OGOS 2002

Pada bulan Ogos, kadar faedah yang rendah dan stabil serta keadaan mudah tunai yang lega dan inflasi yang rendah telah menyumbang kepada peningkatan berterusan di dalam aktiviti pembiayaan sektor swasta. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman kekal tinggi, sementara bekalan wang secara luas terus meningkat. Berserta dengan sistem perbankan yang bertambah kukuh, dasar kewangan yang akomodatif terus merangsang pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Kadar faedah pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil pada bulan Ogos. Operasi mudah tunai BNM adalah menguncup, bermatlamat untuk mengimbangi mudah tunai supaya selaras dengan keadaan permintaan secara keseluruhannya dan dengan itu, memastikan kadar faedah yang stabil di dalam pasaran.



Operasi mudah tunai BNM menyerap RM1.4 bilion dari pasaran bagi mengimbangi kesan pengembangan akibat pengeluaran deposit oleh Kerajaan dari BNM, dan juga daripada aliran dagangan dan portfolio.



Mudah tunai kekal lega



Kadar faedah antara bank di pasaran wang kekal rendah dan stabil pada bulan Ogos

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan Ogos. Keadaan yang sama juga dapat dilihat bagi **kadar purata berian pinjaman** (ALR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan (masing-masing pada 6.46% dan 10% pada akhir bulan Ogos: masing-masing pada 6.49% dan 10.03% pada akhir bulan Julai).



BLR dan ALR kekal rendah dan stabil.

Pada 15 September, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** untuk semua tempoh matang bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan, kekal tidak berubah.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan hampir tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



...begitu juga bagi syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar Deposit Tetap 3-Bulan



Kadar faedah benar deposit tetap 3 bulan bagi bank perdagangan kekal positif dan tidak berubah pada bulan Ogos

Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama dan mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada bulan Ogos

Pada bulan Ogos, **ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama**. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, ringgit menyusut nilai berbanding yen Jepun (-1.6%) dan euro (-0.1%), sementara meningkat nilai berbanding paun sterling (1.5%). Dolar AS telah dipengaruhi secara negatif oleh prestasi pasaran saham AS yang lemah, kekhuatiran pasaran menjelang ulang tahun peristiwa 11 September dan kebimbangan pasaran mengenai kemungkinan tindakan ketenteraan AS di Timur Tengah. Data awalan yang menunjukkan kemerosotan sentimen pengguna yang melebihi jangkaan bagi bulan Ogos turut menyumbang kepada kelemahan mata wang AS.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai berbanding kebanyakan mata wang utama

Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit mengukuh berbanding baht Thai, peso Filipina dan won Korea dalam lingkungan 0.6% - 1.2%, sementara menyusut nilai berbanding dolar Singapura dan rupiah Indonesia, masing-masing sebanyak 0.9% dan 2.3%. Peso Filipina menyusut nilai akibat kebimbangan pasaran ke atas defisit bajet Kerajaan. Sebaliknya, dolar Singapura mengukuh berikutan penerbitan data yang lebih baik dari jangkaan untuk eksport bukan minyak dan pengeluaran perkilangan bagi bulan Julai, sementara rupiah Indonesia disokong oleh sentimen pasaran yang positif ke atas deraf bajet tahun 2003.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau

(Purata mingguan)



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 23 September 2002**, ringgit mengukuh berbanding kebanyakan mata wang utama dan kesemua mata wang serantau. Nilai ringgit meningkat berbanding euro sebanyak 0.4% dan yen Jepun sebanyak 4.4%, sementara menyusut nilai berbanding paun sterling sebanyak 0.4%. Dolar AS mengukuh berikutan penerbitan data ekonomi yang menunjukkan guna tenaga dan penjualan runcit bagi bulan Ogos yang lebih baik daripada jangkaan, justeru menyokong pendirian pasaran bahawa keadaan ekonomi AS adalah lebih baik berbanding Jepun dan Eropah. Sebaliknya, euro menyusut nilai berikutan penerbitan data yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan pada suku kedua tahun ini dan penurunan yang tidak dijangka dalam pengeluaran perindustrian negara Jerman pada bulan Julai. Yen Jepun dibelenggu oleh peningkatan kekhuatiran pasaran mengenai masalah sistem kewangan negara itu dan prestasi ekonomi yang tidak memberangsangkan. Pada masa yang sama, ringgit juga meningkat nilai berbanding mata wang serantau dalam lingkungan 1.2% - 2.7%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Ogos 2002	23 Sep. 2002	% Perubahan			
				Ogos 2002	Akhir-Ogos - 23 Sep. 2002	Akhir-2001 - 23 Sep. 2002	2 Sep. 1998 - 23 Sep. 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.7430	3.7295	-0.1	0.4	-9.7	-
Paun sterling	6.3708	5.8822	5.9060	1.5	-0.4	-6.6	7.9
100 yen Jepun	2.7742	3.2213	3.0853	-1.6	4.4	-6.2	-10.1
Dolar Singapura	2.1998	2.1733	2.1364	-0.9	1.7	-3.9	3.0
100 baht Thai	9.3713	9.0069	8.7719	0.6	2.7	-1.9	6.8
100 peso Filipina	8.8302	7.3348	7.2464	1.2	1.2	1.6	21.9
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0429	0.0420	-2.3	2.1	-13.1	-15.8
100 won Korea	0.2827	0.3167	0.3112	0.7	1.8	-7.4	-9.2

Inflasi kekal tidak berubah

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Penguna** (IHP, 2000=100), kekal tidak berubah pada tahap 2.1% pada bulan Ogos (Julai: 2.1%). Kenaikan dalam IHP terutamanya disumbangkan oleh harga yang lebih tinggi bagi pengangkutan dan perhubungan, disebabkan oleh pelarasan harga dalam bayaran perkhidmatan telefon pada bulan Mac 2002. Pada asas bulanan, IHP menyusut sebanyak 0.1%.



Inflasi kekal tidak berubah

Harga pengeluar terus meningkat

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar** (IHPR), meningkat sebanyak 3.8% pada asas tahunan pada bulan Julai (Jun: 3.6%). Kenaikan di dalam IHPR mencerminkan harga yang lebih kukuh bagi minyak sawit mentah dan getah. Walau bagaimanapun, kenaikan di dalam IHPR ini telah diimbangi oleh kejatuhan harga minyak mentah. Sementara itu, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras menyusut sebanyak 0.1%.



Harga pengeluar terus meningkat

M3 terus meningkat

Pada bulan Ogos, agregat monetari terus meningkat, seiring dengan pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi. Wang secara kecil, M1 berkembang sebanyak RM0.8 bilion atau 1%, mencerminkan terutamanya peningkatan permintaan untuk mata wang berikutan perbelanjaan pengguna yang lebih tinggi. Deposit perusahaan perniagaan dan individu serta institusi kewangan bukan bank (NBFI) yang lebih tinggi menyumbang kepada kenaikan dalam M3, yang meningkat sebanyak RM3.7 bilion atau 0.8%. Pada asas tahunan, M1 dan M3 meningkat masing-masing sebanyak 10.6% dan 6.2% pada akhir bulan Ogos (12.2% dan 5.8% pada akhir bulan Julai).

Kenaikan dalam M3 berpunca daripada aktiviti pembiayaan bank kepada sektor swasta dan perbelanjaan fiskal yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kenaikan ini telah diimbangi oleh deposit yang lebih tinggi yang disimpan oleh sebuah NBFI dengan BNM.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetari terus meningkat pada asas tahunan

M3: Perubahan Bulanan



… pada asas bulanan, M3 terus meningkat

Penentu-penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2002			
	Jun	Jul	Ogos	Jan-Ogos
M3	-1.6	1.8	3.7	18.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	0.9	0.6	3.3	9.4
Tuntutan ke atas sektor swasta	-0.3	-2.0	4.0	13.9
Operasi luar bersih [1/]	-1.8	1.2	-0.9	4.6
Pengaruh lain	-0.4	1.9	-2.6	-9.2

[1/] sebelum penilaian semula

Kenaikan dalam M3 mencerminkan berian pinjaman dan operasi Kerajaan yang lebih tinggi

Deposit sistem perbankan lebih kukuh

Jumlah deposit sistem perbankan meningkat dengan ketara (+RM3.6 bilion atau 0.7%) pada bulan Ogos, mencerminkan peningkatan dalam deposit oleh perusahaan perniagaan dan individu. Pada asas tahunan, jumlah deposit mengembang sebanyak 3.9% pada akhir bulan Ogos.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Jun	Jul.	Aug.
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	94	-502	-574
Kerajaan Negeri	286	-516	100
Badan Berkanun[1/]	-203	250	-1,079
Institusi Kewangan	-1,088	-1,246	3,045
Perusahaan Perniagaan	45	487	648
Individu	513	874	1,578
Lain-lain	-54	54	-130
Jumlah	**-407**	**-598**	**3,587**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Deposit oleh individu dan perusahaan perniagaan meningkat

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Jun	Jul.	Aug.
Jenis			
Deposit tetap	-1,182	929	-1,660
NID	-152	-873	1,515
Deposit permintaan	1,628	-177	108
Deposit tabungan	-230	19	-163
Perjanjian beli balik *(Repo)*	-2,238	178	3,914
Deposit mata wang asing	-367	-84	-260
Deposit SPI	2,189	-643	275
Lain-lain	-54	54	-130
Jumlah	**-407**	**-598**	**3,587**

Repo dan NID meningkat, sementara deposit lebih rendah terutama dalam bentuk deposit tetap

Pembiayaan sektor swasta kekal tinggi

Persekitaran kadar faedah yang rendah dan stabil, serta keadaan mudah tunai yang lega menyediakan persekitaran yang kondusif untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi domestik. Pada bulan Ogos, **jumlah pembiayaan kasar** melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi, berjumlah RM34.8 bilion.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Aktiviti pinjaman sistem perbankan kekal tinggi pada bulan Ogos. **Pengeluaran pinjaman** (RM33.1 bilion) telah disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi. Pengeluaran kepada sektor perniagaan kekal tinggi pada RM20.5 bilion pada bulan Ogos (Julai: RM21.2 bilion), mencakupi 62% daripada jumlah pengeluaran pinjaman pada bulan tersebut. Sementara itu, pengeluaran kepada individu berjumlah RM8.8 bilion atau 26.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman pada bulan Ogos (Julai: RM8.7 bilion).

Pinjaman yang belum dijelaskan terus meningkat sebanyak RM1.6 bilion, membawa kepada pertumbuhan tahunan yang lebih baik sebanyak 3.6% pada akhir bulan Ogos berbanding dengan 3.3% pada akhir bulan Julai. Sebahagian besar daripada pengembangan dalam pinjaman terus didorong oleh sektor runcit, terutamanya untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Pinjaman yang disalurkan kepada sektor perniagaan kekal dalam bentuk jangka pendek, terutama untuk memenuhi keperluan modal kerja.

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Berian pinjaman yang tinggi dalam permohonan dan pengeluaran pinjaman

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman terus disalurkan kepada pelbagai sektor ekonomi

Dana bersih yang lebih rendah diperoleh daripada pasaran modal

Dari segi jumlah kasar, dana yang diperolehi oleh sektor swasta melalui pasaran ekuiti dan sekuriti hutang swasta (PDS) berjumlah RM2.6 bilion pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, disebabkan penebusan bon Cagamas yang lebih tinggi (RM2 bilion), dana bersih yang diperolehi oleh sektor swasta adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM591 juta. Sementara itu, sektor awam mencatatkan penebusan bersih berjumlah RM1.3 juta disebabkan penebusan Bon Simpanan Malaysia. Secara keseluruhannya, **dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal** adalah lebih rendah iaitu sebanyak RM590 juta.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana bersih yang lebih rendah diperoleh daripada pasaran modal

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) meningkat sedikit pada tiga minggu pertama bulan Ogos berikutan pemulihan di bursa saham AS serta penarafan yang lebih baik bagi Malaysia. Kenaikan taraf kredit Malaysia oleh agensi penarafan kredit serta laporan korporat yang memberangsangkan telah membantu memulihkan sentimen pasaran. Walau bagaimanapun, KLSE CI merosot pada akhir bulan Ogos terutamanya disebabkan ketegangan yang berlaku di Timur Tengah. Pada 30 Ogos, KLSE CI ditutup pada 711.36 mata (-1.4% sejak akhir bulan Julai) dengan permodalan pasaran sebanyak RM529.53 bilion (-0.8% sejak akhir bulan Julai). Purata urusniaga harian adalah lebih rendah sebanyak 143.2 juta unit (193.1 juta unit pada bulan Julai).



KLSE CI semakin merosot

KLSE CI terus menunjukkan prestasi yang lemah pada tiga minggu pertama bulan September berikutan kebimbangan mengenai ulangtahun peristiwa 11 September dan ketegangan di antara AS dan Iraq. Sementara itu, ketiadaan penunjuk baru di pasaran tempatan juga menyumbang kepada prestasi pasaran yang lemah ini. Pada 25 September, KLSE CI ditutup pada 636.75 mata (-10.5% sejak akhir bulan Ogos) dengan permodalan pasaran sebanyak RM477 bilion (-9.9% sejak akhir bulan Ogos). Sementara itu, purata urusniaga harian turun kepada 137.3 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih BNM meningkat sebanyak RM828 juta (AS$218 juta) pada bulan Ogos kepada RM130.1 bilion atau AS$34.2 bilion pada 30 Ogos 2002. Pembawaan pulang perolehan eksport yang berterusan adalah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan rizab, mencerminkan kedudukan imbangan pembayaran Malaysia yang pada asasnya kukuh. Rizab stabil pada AS$34.2 bilion pada 14 September 2002. Aliran masuk perolehan eksport yang dibawa pulang berkekalan dalam tempoh ini, mengatasi aliran keluar yang mencerminkan terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan. Tambahan lagi, aliran masuk dana portfolio telah diatasi sedikit oleh aliran keluar dalam tempoh ini. Paras rizab pada 14 September adalah memadai untuk membiayai 5.6 bulan import tertangguh dan adalah 4.9 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Daya tahan sistem perbankan dikekalkan

Kedudukan kewangan sistem perbankan terus mengukuh selaras dengan peningkatan kedudukan modal dan penyederhanaan dalam paras pinjaman tidak berbayar. Nisbah aset berwajaran risiko (RWCR) meningkat kepada 13.3% manakala nisbah modal teras meningkat kepada 11.0% berikutan kemasukan keuntungan beraudit ke dalam modal asas. Nisbah pinjaman tidak berbayar bersih (klasifikasi 6-bulan) terus menurun kepada 7.9%, disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan skim penyusunan semula hutang sebuah syarikat besar yang diselesaikan di bawah rangkakerja Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC).

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001		2002	
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun	Dis.	Jul.	Ogos
Modal (%)							
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	10.5	11.1	10.9	11.0
RWCR	11.8	12.5	12.5	12.6	13.0	13.1	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)							
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	8.0	7.9
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	33,397	32,845
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

** Mulai Jun 1999, jadual ini merangkumi institusi perbankan Islam*



….RWCR dan nisbah modal teras terus mengukuh masing-masing kepada 13.3% dan 11.0%



…Nisbah NPL bersih jatuh kepada 7.9%, manakala nisbah peruntukan am kekal pada tahap 1.9%

Usaha-usaha pemulihan oleh Danaharta terus berjalan baik dengan jangkaan purata kadar pemulihan sebanyak 57% (50% bagi pinjaman yang diambilalih dan 62% bagi pinjaman di bawah pengurusan). Sehingga kini, Danaharta telah menerima perolehan pemulihan sejumlah RM17.4 bilion, di mana RM9.6 bilion telah diagihkan kepada institusi perbankan. Setakat 30 Jun 2002, Danaharta mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai sebanyak RM6 bilion yang akan digunakan sebahagiannya untuk menebus semula bon terbitan Danaharta dan bagi keperluan operasinya.

Setakat akhir bulan Ogos 2002, baki suntikan modal oleh Danamodal kekal sebanyak RM2.1 bilion. Danamodal dijangka akan menamatkan operasinya pada tahun 2003.

Bank Negara Malaysia
30 September 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	Julai 2002		Ogos 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	40.6	4.6	40.5	2.4
M1	82.4	12.2	83.2	10.6
M2	370.9	5.7	373.3	5.8
M3	484.4	5.8	488.1	6.2
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	488.1	2.9	491.7	3.9
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	483.5	3.3	485.2	3.6
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	421.4	3.1	423.3	3.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)	86.3		86.1	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	11.5		11.6	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	33.9		33.1	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.1		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	8.0		7.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	129.3		130.1	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.0		34.2	
Bilangan bulan import tertangguh	5.5		5.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.97 [2.86]		2.97 [2.88]	
3-bulan	3.22 [2.96]		2.86 [2.86]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
3-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39 [6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.4	2.1	103.3	2.1
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	131.9	3.8	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.7402		3.7430	
Paun Sterling	5.9690		5.8822	
Dolar Singapura	2.1546		2.1733	
100 Yen Jepun	3.1701		3.2213	
100 Baht Thai	9.0638		9.0069	
100 Peso Filipina	7.4255		7.3348	
100 Rupiah Indonesia	0.0419		0.0429	
100 Won Korea	0.3190		0.3167	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	…		…	
sektor swasta (RM bilion)	4.4		0.6	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	721.59		711.36	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	533.68		529.53	